

**Perkasa Mahu The Star Dikenakan Tindakan Tegas
Bernama
28 Februari , 2012**

KUALA LUMPUR, 28 Feb (Bernama) -- Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) menyarankan kerajaan menggantung lesen penerbitan The Star sebagai hukuman ekoran kealpaan akhbar itu menyiarkan gambar seorang penyanyi wanita Amerika Syarikat yang mendedahkan bahagian atas dadanya, yang tertera tatu perkataan "Allah" semalam.

Setiausaha Agung Perkasa Syed Hassan Syed Ali berkata selain itu, tindakan lain seperti mendakwa Ketua Pengarang akhbar berbahasa Inggeris tersebut juga perlu diambil, jika kerajaan mendapati gambar berkenaan sengaja disiarkan.

"Sudah banyak kali The Star lakukan penghinaan kepada umat Islam. The Star perlu dihukum kerana tidak tahu hal-hal sensitif orang Islam. Kerajaan perlu gantung lesennya, jika sengaja, perlu dakwa Ketua Pengarangnya," katanya dalam satu kenyataan Selasa.

Beliau merujuk penyiaran gambar penyanyi 'funk', 'hip-hop' dan 'soul' Erykah Badu, 40, dalam ruangan muzik akhbar itu, yang menunjukkan wajah serta bahagian atas dadanya yang terdedah serta tertera pelbagai tatu termasuk perkataan "Allah" di bahagian sisi kiri dan kanan dada berhampiran ketiak.

Syed Hassan berkata jika tindakan tegas tidak diambil, pertubuhan itu bimbang penghinaan sedemikian akan berulang.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=648675>